



MENGAMALKAN NILAI KITA

Tatakelakuan Ingredion Incorporated

Soalan atau Kebimbangan? Lawati Talian Etika Bisnes di [INGRethics.com](https://www.ingredion.com/INGRethics.com)



PENGENALAN

SENTIASA PRIHATIN

MENJADI PILIHAN

SEMUA DIHARGAI DAN DITERIMA

BERINOVASI PENUH BERANI

CORAK PEMIKIRAN PEMILIK

STANDARD KAMI

MESEJ DARIPADA KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF (CEO)



Nilai syarikat kita adalah mata arah kita. Ia membimbing tindakan seharian kita di tempat kerja dan membantu memastikan kita mencapai tujuan utama kita. Gabungan nilai dan tujuan unik membezakan kita dengan setiap syarikat lain – inilah keunikan kita. Oleh itu, kita semua diharapkan dapat mengamalkan nilai kita dan dokumen Tatakelakuan ini membantu kita memahami perkara terbaik dalam melaksanakannya.

Walaupun panduan ini sememangnya tuntas, ia mungkin tidak dapat menangani setiap situasi yang anda hadapi di Ingredion. Penting untuk membaca dokumen ini sepenuhnya dan memahami bukan sahaja perkataan yang tertera, tetapi maksud di sebalik setiap kata-kata itu. Ini akan membantu membimbing anda dalam situasi yang tidak dilindungi secara eksplisit di sini.

Sekiranya anda ragu-ragu mengenai sebarang tindakan yang dikatakan di sini, bersuaralah. Bertanya kepada pengurus atau wakil HR (Sumber Manusia) anda, atau hubungi [Talian Etika Bisnes](#) Ingredion. Kami menganggap sebarang laporan kemungkinan pelanggaran etika dibuat demi kepentingan terbaik syarikat dan kami tidak bertolak ansur dengan serangan balas terhadap seseorang yang melaporkan kemungkinan pelanggaran itu.

Saya ucapkan terima kasih atas semua yang anda lakukan setiap hari untuk mematuhi Tatakelakuan kita dengan mengamalkan nilai kita. Apabila kita ikut mata arah ini, kita melakukan perkara yang betul untuk syarikat dan bagi pertumbuhan masa depan kita bersama.

Salam hormat,

James P. Zallie

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif

NILAI KITA



Sentiasa Prihatin

Kami secara aktif berusaha untuk melindungi dan membolehkan kesejahteraan pekerja kami, kualiti produk kami dan reputasi integriti dan kepercayaan.



Menjadi Pilihan

Kita berhak untuk menjadi pilihan pelanggan dengan memberikan nilai kukuh dan berpanjangan bersama di setiap titik pengalaman pelanggan.



Semua Dihargai dan Diterima

Kita menerapkan kepelbagaian dan memupuk persekitaran kerja secara proaktif agar setiap individu berasa dihargai dan diinspirasi dalam memberikan yang terbaik.



Berinovasi Penuh Berani

Kita berani berusaha untuk melakukan inovasi cemerlang, dipacu sifat ingin tahu, pemikiran berani, kepantasan dalam membuat keputusan dan pelaksanaan.



Corak Pemikiran Pemilik

Kita berfikir dan bertindak seperti pemilik. Setiap orang mengambil tanggungjawab peribadi dalam menjangkakan cabaran, mencari peluang secara proaktif dan membuat keputusan yang paling sesuai demi kepentingan syarikat.

TUJUAN KITA



We bring the potential of people, nature, and technology together to create ingredient solutions that **make life better.**



Soalan atau Kebimbangan? Lawati Talian Etika Bisnes di [INGRethics.com](https://www.ingredion.com/INGRethics.com)

KANDUNGAN

Mengamalkan Nilai Kita: Pengenalan kepada Tatakelakuan Ingredion	5
Mengapa Kita Ada Kod	6
Siapa Yang Dilindungi Oleh Kod	6
Apakah yang Perlu Anda Lakukan	6
Melaporkan Kebimbangan	7
Dasar Tiada Tindakan Balas	7
Selalu Prihatin	8
Kualiti dan Keselamatan Makanan	9
Sekuriti, Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar	10
Hak Asasi Manusia	11
Kemampanan	12
Privasi dan Perlindungan Maklumat Peribadi	13
Antirasuah dan Antisogokan	14
Menjadi Pilihan	16
Persaingan Adil	17
Hadiah dan Keraian	18
Konflik Kepentingan	19
Sumbangan dan Aktiviti Politik	20
Pematuhan Perdagangan Antarabangsa	21
Semua Dihargai dan Diterima	22
Kepelbagaian dan Kemasukan	23
Gangguan dan Diskriminasi	24
Antikeganasan, Ancaman dan Intimidasi	25
Berinovasi Penuh Berani	26
Harta Intelek dan Aset Syarikat	27
E-mel, Internet dan Sistem Maklumat	28
Corak Pemikiran Pemilik	29
Ketepatan Buku dan Rekod	30
Perdagangan Orang Dalam	31
Komunikasi Luaran dan Media Sosial	32
Maklumat Sulit	33
Kita menunjukkan integriti dan standard etika yang tinggi secara konsisten	34
Tatakelakuan Kita	35
Pematuhan Dasar, Undang-undang dan Peraturan	35
Program Pematuhan, Etika dan Integriti Bisnes	35
Maklumat Hubungan	36





MENGAMALKAN NILAI KITA: Pengenalan kepada Tatakelakuan Ingredion

Mengapa Kita Ada Kod

Di Ingredion, kita percaya nilai kita menentukan diri kita sebagai organisasi dan cara kita menjalankan bisnes. Nilai kita mengukuhkan organisasi dan membentuk budaya kita. Kita komited untuk menghayati nilai kita: melakukan perkara betul dengan cara betul, pada setiap hari.

Kod kita menerangkan harapan syarikat untuk menjalankan bisnes mengikut etika dan secara konsisten berdasarkan nilai, dasar dan undang-undang.

Siapa Yang Dilindungi Oleh Kod

Kod kita diguna pakai untuk semua individu di Ingredion dan sekutunya di seluruh dunia, termasuk pekerja, pekerja kontrak, ejen, pegawai syarikat dan pengarah. Dalam sesetengah kes, kod ini juga diguna pakai untuk pihak ketiga dan pihak lain yang bekerja bagi pihak syarikat.

Apakah yang Perlu Anda Lakukan

Sekiranya anda tidak pasti sama ada tindakan tertentu adalah tindakan yang betul, tanya pada diri anda sendiri:

- Adakah ia sah di sisi undang-undang?
- Adakah ia konsisten dengan Tatakelakuan kita?
- Adakah ia mematuhi dasar kita?
- Adakah ia memberi manfaat kepada keseluruhan syarikat, bukan sekadar kepentingan peribadi?
- Adakah anda berasa selesa sekiranya tindakan itu diketahui umum?

Sekiranya anda menjawab ya untuk semua soalan ini, tindakan itu mungkin baik. Sekiranya anda menjawab tidak pada sebarang soalan ini atau anda rasa tidak pasti, berhenti dan dapatkan nasihat:

- bincangkan isu itu dengan pengurus anda;
- bincangkan isu itu dengan pengurus lain;
- hubungi bahagian Sumber Manusia, Undang-Undang, atau Wilayah atau Pematuhan Korporat; atau
- gunakan Talian Etika Bisnes untuk melaporkan kebimbangan atau bertanya soalan (tanpa nama jika anda mahu) dalam bahasa anda.

Walaupun kita semua bertanggungjawab untuk mematuhi Kod ini, pengurus mempunyai tanggungjawab khas untuk memastikan Tatakelakuan Ingredion dipatuhi. Pengurus perlu:

- memberi contoh positif tentang tatakelakuan bisnes yang beretika;
- memupuk semangat nilai syarikat dan Kod;
- membantu ahli pasukan mereka mematuhi setiap kata-kata dan semangat Kod;
- mewujudkan budaya terbuka yang mendorong mereka untuk bersuara; dan
- membawa sebarang pelanggaran Kod ini kepada perhatian pasukan Pematuhan atau Undang-undang tempatan, daripada menanganinya secara peribadi.

Tingkah laku yang tidak konsisten dengan jangkaan etika syarikat dan Tatakelakuan boleh memberi kesan serius kepada Ingredion dan sesiapa sahaja yang dilindungi di bawah Kod ini. Bagi syarikat, ia mungkin bermaksud denda, penyiasatan dan kerosakan reputasi. Bagi individu, ia mungkin membawa kepada tindakan disiplin atau undang-undang dan penamatan pekerjaan. Setiap individu yang dilindungi di bawah Kod diharapkan untuk mematuhi dan bekerjasama dalam penyiasatan yang dilakukan oleh syarikat.

Melaporkan Kebimbangan

Suara anda penting. Setiap daripada kita bertanggungjawab untuk membangunkan dan melindungi budaya integriti Ingredion. Pelanggaran Tatakelakuan, dasar syarikat atau undang-undang yang disyaki boleh menjadi masalah serius. Kami mengharapkan setiap individu bersuara tentang sebarang potensi pelanggaran kod.

Syarikat tidak bertolak ansur dengan tindakan balas terhadap mereka yang bersuara dengan niat baik atau mengambil bahagian dalam penyiasatan yang dilakukan.

Sekiranya anda mempunyai soalan tentang Kod ini atau bimbang tentang potensi pelanggaran kod, anda ada beberapa pilihan:

- bincangkan isu itu dengan pengurus anda;
- bincangkan isu itu dengan pengurus lain;
- hubungi bahagian Sumber Manusia, Undang-Undang, atau Wilayah atau Pematuhan Korporat; dan
- gunakan Talian Etika Bisnes untuk melaporkan kebimbangan atau bertanya soalan (tanpa nama jika anda mahu) dalam bahasa anda.

Layari laman web [INGReithics.com](https://www.ingrethics.com) untuk menghubungi Talian Etika Bisnes melalui internet atau mencari nombor bebas tol mengikut negara dalam laman intranet Ingredion InSite. Laman ini beroperasi 24 jam sehari, 7 hari seminggu.

Dasar Tiada Tindakan Balas

Ingredion tidak bertolak ansur dengan sebarang tindakan balas kerana bertanyakan soalan atau kebimbangan dengan niat baik terhadap kemungkinan pelanggaran Tatakelakuan. Kebimbangan diberi perhatian yang sangat serius dan kami menyemak semua laporan dan menyiasat kemungkinan pelanggaran, termasuk kegagalan untuk bersuara. Bagi mendapatkan maklumat lanjut tentang komitmen Ingredion untuk tiada tindakan balas, rujuk dasar Tiada Tindakan Balas/Bersuara. Semua laporan dan penyiasatan akan dirahsiakan kecuali diminta untuk membuat pendedahan oleh undang-undang.





Sentiasa Prihatin

Kami secara aktif berusaha untuk melindungi dan membolehkan kesejahteraan pekerja kami, kualiti produk kami dan reputasi integriti dan kepercayaan.

DALAM BAHAGIAN INI:

Kualiti dan Keselamatan Makanan

Sekuriti, Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar


Hak Asasi Manusia

Kemampuan

Privasi dan Perlindungan Maklumat Peribadi

Antirasuah dan Antisogokan

Soalan atau Kebimbangan? Lawati Talian Etika Bisnes di INGRethics.com



Kualiti dan Keselamatan Makanan

Kita menyediakan produk dan perkhidmatan yang memenuhi keperluan pelanggan dan kerajaan.

Mengamalkan Nilai Kita

Kita komited untuk menyediakan produk, perkhidmatan dan penyelesaian selamat dan berkualiti tinggi, dan sentiasa mengemas kini maklumat tentang keinginan dan keperluan pelanggan. Kita mencari dan mendengar maklum balas pelanggan dengan aktif.

Sekiranya tugas kita melibatkan aspek pembangunan, pengendalian, pembungkusan, atau penyimpanan produk Ingredient, kita perlu:

- mengetahui standard kualiti, dasar dan prosedur yang diguna pakai untuk produk di lokasi pembuatan berkenaan;
- mematuhi amalan pembuatan dan protokol ujian yang baik; dan
- mematuhi semua dasar keselamatan pembuatan Ingredient, undang-undang dan peraturan yang diguna pakai, seperti yang berkaitan keselamatan dan kualiti.

Mempraktikkan Nilai Kita dalam Tindakan

S: Sebagai pengendali, anda mendapati kemungkinan kepingan logam kecil boleh mencemari produk, yang sepatutnya menjadi sebahagian daripada kelas makanan. Anda percaya prosedur kita untuk proses penyaringan tidak mungkin membenarkan produk yang tercemar dengan logam dihantar kepada pelanggan. Namun, anda mengetahui sesetengah pelanggan syarikat tidak mempunyai sumber yang mencukupi untuk menyaring logam jika produk yang tercemar dihantar kepada mereka. Adakah anda mematikan peralatan yang menyebabkan kemungkinan pencemaran, walaupun ia menyebabkan tahap pengeluaran sedikit menurun?

J: Ya. Kita tidak pernah berkompromi dengan kualiti atau keselamatan makanan, segera laporkan (melalui saluran yang sesuai) segala masalah tentang keselamatan atau kualiti produk. Ingat, laporan ini akan menjadi maklumat sulit tentang Ingredient. Hubungi wakil Pengurusan Kualiti tempatan anda untuk membincangkan kebimbangan anda berkaitan kualiti dan keselamatan produk.





Sekuriti, Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar

Kita berusaha melindungi alam sekitar dan komited untuk menyediakan tempat kerja yang selamat dan terjamin kepada para pekerja. Kita berusaha untuk mencapai kecederaan sifar dan menjadi pemimpin global dalam aspek keselamatan tempat kerja.

Mengamalkan Nilai Kita

Pengawasan alam sekitar, keselamatan tempat kerja dan keselamatan semua adalah bahagian penting yang melengkapkan budaya kita. Komitmen kita termasuk:

- mematuhi undang-undang dan peraturan alam sekitar di negara lokasi operasi kita;
- mematuhi dasar, amalan, prosedur keselamatan dan alam sekitar yang diguna pakai di tempat kerja kita;
- mengambil pendekatan proaktif dalam cabaran persekitaran dengan terus mencari cara untuk melindungi sumber semula jadi, mengurangkan kesan persekitaran kita, menjangkau pematuhan dan mewujudkan kecekapan sambil mengukuhkan standard keselamatan dan kualiti produk;
- mempromosikan dialog dan inovasi untuk meningkatkan keselamatan tempat kerja;
- melaporkan dan membetulkan keadaan atau tingkah laku yang tidak selamat atau sihat dan juga insiden yang boleh menyebabkan tumpahan, pelepasan, atau ketidakpatuhan alam sekitar;
- tidak menggunakan atau memiliki ubatan terlarang, bahan terkawal atau bekerja di bawah pengaruh dadah atau alkohol di tempat kerja atau semasa melakukan sebarang aktiviti pekerjaan.

Ketahui Lebih Lanjut

Ingredion melaksanakan [Sistem Pengurusan Sekuriti, Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar \(EHSS-MS\)](#) yang memfokuskan pada pengurangan risiko EHSS operasi kita dan mempromosikan inisiatif dan aktiviti penambahbaikan berterusan. EHSS-MS termasuk dasar, standard dan garis panduan untuk kerja kita, menetapkan kriteria minimum dan mendorong kecemerlangan EHSS.

Hak Asasi Manusia

Kita menghormati hak pekerja di seluruh rantaian bekalan kita, termasuk kontraktor dan pembekal.

Mengamalkan Nilai Kita

Kita menyedari hak pekerja kita dan semua pihak yang mengurus niaga dengan kita untuk dilayan dengan penuh bermaruah dan rasa hormat, bersesuaian dengan undang-undang yang berkaitan. Kita mengharapkan perkara yang sama daripada rakan bisnes kita. Kami tidak akan bertolak ansur dengan mengeksploitasi kanak-kanak atau penggunaan buruh paksa atau perdagangan manusia. Penghormatan kita terhadap hak asasi manusia bermaksud:

- menegakkan Prinsip Panduan PBB berkaitan Bisnes dan Hak Asasi Manusia;
- melaksanakan usaha wajar pada rakan bisnes berpotensi;
- mematuhi dasar perolehan semasa memilih pembekal baru;
- menghormati hak pekerja dalam mengatur dan membuat tawaran secara kolektif;
- membayar pasaran dengan adil, memenuhi atau melangkaui semua syarat undang-undang yang berkaitan gaji dan faedah pekerja.

Rakan pembekal Ingredion perlu memastikan tenaga kerja mereka bukan terdiri daripada kanak-kanak dan buruh paksa, termasuk hamba, kontrak terikat, buruh penjara, atau sebarang bentuk pemerdagangan manusia.

Mempraktikkan Nilai Kita dalam Tindakan

S: Usaha wajar kita di ladang pembekal menunjukkan petani membayar lebih rendah daripada gaji minimum yang dibenarkan. Apakah yang perlu kita lakukan?

J: Hubungi ketua bahagian Kemampunan Korporat. Petani ini perlu membayar pekerja sekurang-kurangnya gaji minimum untuk setiap jam bekerja.



Ketahui Lebih Lanjut.

Semak:

Sistem Pengurusan Akauntabiliti Sosial Ingredion
Akauntabiliti Sosial 8000
Kod Asas Inisiatif Perdagangan Etika

Kemampuan

Kita berusaha untuk menjadi teladan warganegara korporat dan anggota masyarakat, memberi kesan positif dan berkekal kepada komuniti tempat kita bekerja dan tinggal.

Kita beroperasi dengan penuh berhati-hati dan menghormati planet ini, pekerja dan komuniti operasi kita. Kita percaya dalam mewujudkan bisnes yang lebih baik dan mampan sambil memberikan nilai yang sama kepada pihak berkepentingan. Kami percaya dengan cara menjalankan bisnes hari ini dapat melindungi kemampuan kita untuk terus melakukan bisnes pada masa hadapan.

Mengamalkan Nilai Kita

Kita komited untuk mempromosikan amalan kemampuan di seluruh organisasi, mematuhi standard moral dan etika yang tinggi di semua lokasi bisnes kita.

Daripada standard keselamatan yang tinggi kepada pelaburan kita dalam kecemerlangan operasi,

kepada usaha kita dalam pemuliharaan alam sekitar dan aktiviti pengawasan komuniti kita,

kita percaya yang operasi dengan kemampuan memberi lebih banyak manfaat, bukan kepada bisnes kami, tetapi manfaat kepada komuniti di lokasi operasi kita.



KETAHUI LEBIH LANJUT
Kemampuan

Mempraktikkan Nilai Kita dalam Tindakan

Kemampuan Pertanian:

Ingredion percaya dalam menyokong kemampuan jangka panjang operasi pertanian dan penternakan yang dapat memberikan sumber bahan mentah kepada kita. Untuk itu, kita berusaha untuk:

- memupuk tanggungjawab keselamatan dalam aspek pengeluaran, penyimpanan, pengendalian, dan penghantaran tanaman dalam kalangan petani yang membekalkan bahan mentah kita;
- menggalakkan penggunaan sumber semula jadi yang cekap dalam pertanian dan aktiviti berkaitan untuk meminimumkan potensi kesan alam sekitar, mengurangkan kesan terhadap air dan menyokong daya maju pertanian dan biodiversiti untuk generasi akan datang;
- menyokong penggunaan bioteknologi yang diluluskan (mungkin berbeza dari satu negara ke negara yang lain), dan memahami pilihan pengguna berkenaan organisma yang diubah suai secara genetik;
- menentang penggunaan pekerja kanak-kanak dan buruh paksa, bertindak berdasarkan undang-undang tempatan dan standard yang diterima secara global;
- mempromosikan layanan penuh bertanggungjawab kepada pekerja migran dalam menjalankan bisnes dengan pembekal pertanian kami;
- mengamalkan amalan perdagangan yang adil dan beretika untuk mempromosikan kesejahteraan ekonomi komuniti tempatan menjalankan bisnes; dan
- menyokong pengurangan penggunaan racun perosak dan mempromosikan pengurusan haiwan perosak bersepadu.

Risiko Pengurusan Air dan Iklim:

Ingredion menyedari hak semua individu untuk mendapatkan air bersih dan menjaga alam sekitar dengan baik, kita berusaha untuk mengurangkan kesan operasi kepada iklim dengan:

- menyedari air adalah bahan mentah penting dalam proses kerja kita dan mungkin bersaing dengan keperluan lain di kawasan kekurangan air;
- menetapkan matlamat untuk mengurangkan intensiti air dan CO₂ di seluruh operasi kita;
- menyelaraskan operasi global kita dengan prinsip alam sekitar yang diakui secara universal sebagai penandatanganan Global Compact;
- memanfaatkan Matlamat Pembangunan Kemampuan Program Pembangunan Bangsa-Bangsa Bersatu sebagai penanda aras untuk menyelaraskan usaha kelestarian kita dengan lebih baik mengikut keperluan masyarakat yang lebih besar;
- mereka bentuk dan menguruskan operasi mesra alam rantaian bekalan bersesuaian dan bekerjasama dengan pembekal kita untuk mendidik dan meningkatkan kemampuan dalam seluruh rantaian bekalan kita;
- mendapatkan sumber bahan mampan di kawasan yang mempunyai keupayaan untuk mempengaruhi pembekal kita;
- mendidik komuniti kita tentang kepentingan mendidik komuniti kita tentang kepentingan;
- memajukan komitmen kita untuk peningkatan berterusan melalui penerokaan penyelesaian inovatif dalam mengurangkan kesan persekitaran operasi kita, termasuk usaha pemuliharaan air dan kecekapan tenaga.

Privasi dan Perlindungan Maklumat Peribadi

Kita melindungi maklumat peribadi yang diamanahkan kepada syarikat.

Apa itu maklumat peribadi?

Maklumat peribadi (Personal Information, "PI") adalah data yang berpotensi mengenal pasti individu spesifik. PI perlu dilindungi sehingga dilupuskan dengan selamat. Contoh PI termasuk maklumat hubungan, seperti alamat kediaman, nombor telefon, atau alamat e-mel; nombor pengenalan yang ditetapkan oleh kerajaan; maklumat kewangan seperti perincian perbankan, gaji dan maklumat pampasan lain; dan data pekerjaan, termasuk tarikh lahir.

Mengamalkan Nilai Kita

Maklumat peribadi yang diamanahkan kepada kami boleh jadi milik pekerja, pelanggan, atau organisasi luar kami. Menjaga keselamatan maklumat peribadi sangat penting bagi pekerja, bisnes dan reputasi kita. Beberapa pekerja Ingredion bekerja dengan PI (termasuk maklumat peribadi yang sangat sensitif, seperti maklumat kesihatan) sebagai sebahagian daripada pekerjaan mereka. Sekiranya anda bekerja dengan PI, patuhi dasar syarikat tentang akses, pemindahan, dan penggunaan maklumat ini. Ingat:

- patuhi undang-undang privasi dan perlindungan data tempatan;
- hanya mengakses, mengumpul dan menggunakan maklumat peribadi yang diperlukan untuk pekerjaan anda dan anda dibenarkan untuk melihat atas sebab bisnes yang sah;
- tidak menyimpan maklumat peribadi lebih lama daripada yang diperlukan untuk tujuan bisnes;
- mendedahkan maklumat peribadi hanya kepada orang yang dibenarkan, mempunyai alasan bisnes yang sah untuk mengetahui maklumat tersebut dan wajib melindunginya;
- menyimpan, menghantar dan melupuskan maklumat peribadi dengan selamat sesuai dengan dasar dan undang-undang yang berkaitan; dan
- segera melaporkan sebarang akses tidak sah pelanggaran data, atau risiko maklumat peribadi lain yang sebenar atau disyaki kepada jabatan IT, HR, Undang-undang tempatan anda, atau Pegawai Perlindungan Data di rantau anda, jika ada.

Mempraktikkan Nilai Kita dalam Tindakan

- S:** *Saya percaya salah seorang rakan kerja saya menjual alamat e-mel pekerja kepada syarikat pemasaran. Apakah yang perlu saya lakukan?*
- J:** *Senarai alamat e-mel pekerja adalah sulit dan tidak boleh didedahkan dengan cara ini. Berikan semua maklumat yang anda ada tentang masalah ini kepada pengurus anda, wakil HR, Pematuhan Korporat, atau ahli Jabatan Undang-undang.*

Antirasuah dan Antisogokan

Bisnes ini semakin berjaya atas dasar integriti pekerja, produk dan perkhidmatan kita, serta keunggulan komersial dan pengalaman pelanggan yang luar biasa yang diberikan. Ingredient komited untuk mematuhi semua undang-undang dan peraturan berkaitan antipengubahan wang haram (AML) dan pembiayaan keganasan. Kita tidak mencari atau mengekalkan bisnes dengan cuba merosakkan tindakan pelanggan kita atau pegawai kerajaan secara tidak wajar. Ia juga tertakluk pada pihak lain yang terlibat bagi pihak kita. Kita tidak bertolak ansur atau melibatkan diri dalam rasuah. Maksudnya, kita tidak menukar pembayaran untuk pengaruh pemerintah atau bagi mendapatkan keuntungan komersial.

Sebilangan besar negara mempunyai undang-undang antirasuah yang melarang aktiviti merasuah pegawai kerajaan. Berdasarkan beberapa undang-undang negara, seperti Akta Rasuah UK, merasuah orang lain (rasuah komersial) juga adalah tindakan jenayah. Sebagai tambahan, semua pekerja Ingredient, tanpa mengira lokasi peribadi atau tempat bisnes, perlu mematuhi Undang-Undang Amalan Rasuah Asing AS (FCPA) seperti syarikat induk "Ingredient" yang berpusat di AS. FCPA mengesahkan aktiviti merasuah pegawai kerajaan adalah jenayah dan diguna pakai untuk semua lokasi bisnes Ingredient.

Demi mematuhi undang-undang antirasuah, jangan menawarkan - secara langsung atau tidak langsung - sebarang bentuk hadiah, hiburan, dorongan, atau semua yang bernilai kepada pegawai kerajaan atau wakilnya untuk memperoleh atau mengekalkan bisnes; mempengaruhi keputusan bisnes; atau memperoleh kelebihan yang tidak adil.

Larangan ini tertakluk kepada operasi bisnes, rakan bisnes dan semua wakil kita, termasuk ejen, perunding, pembekal dan kontraktor.

Sesetengah bayaran kepada pihak kerajaan adalah dibenarkan. Contohnya, pembayaran boleh dilakukan kepada entiti kerajaan dalam urusan bisnes biasa, untuk membayar cukai atau semasa entiti kerajaan menjadi pelanggan atau pembekal. Walau bagaimanapun, pembayaran rasuah atau pembayaran kepada pegawai kerajaan di sebarang negara adalah dilarang. Pembayaran pemudahan adalah pembayaran budi bicara kepada pegawai kerajaan bertujuan untuk mempercepat atau memastikan tindakan rutin seperti mengeluarkan lesen, permit atau visa. Sekiranya anda menerima permintaan daripada pegawai kerajaan untuk memberi rasuah atau pembayaran pemudahan, anda perlu menolak untuk melakukan pembayaran melainkan jika anda mempunyai niat baik dan percaya kegagalan membuat pembayaran boleh menyebabkan anda atau orang lain ditimpa bahaya secara fizikal. Anda juga perlu melaporkan permintaan rasuah atau pembayaran pemudahan kepada pengurus anda, Jabatan Undang-undang, Pematuhan Korporat, atau melalui Talian Etika Bisnes.

Perhatian. Terdapat beberapa agensi kerajaan mempunyai peruntukan formal untuk membayar yuran, contohnya, untuk mempercepat semakan permit. Transaksi pembayaran yang tidak mempengaruhi keputusan akhir semakan permit dan digunakan untuk membayar sumber dan personel diperlukan untuk mempercepat proses, tidak dianggap sebagai pembayaran pemudahan.

SIAPAKAH PEGAWAI KERAJAAN?

FCPA mendefinisikan pegawai asing sebagai "pegawai atau pegawai kerajaan asing atau jabatan, ejen, atau instrumennya." Pegawai kerajaan termasuk individu yang bekerja atau ejen kerajaan atau entiti yang dimiliki atau dikendalikan oleh kerajaan. Contoh pegawai kerajaan termasuk:

- pegawai atau pekerja entiti, jabatan, atau agensi kerajaan;
- pegawai atau pekerja dalam sektor bisnes, sekolah, hospital milik kerajaan atau entiti lain;
- pegawai, pekerja atau pegawai parti politik;
- calon untuk pegawai politik;
- pegawai, pekerja, pegawai organisasi antarabangsa atau jabatan lain; atau agensi organisasi berikut (seperti IMF atau World Bank);
- individu yang bertindak dalam kapasiti rasmi bagi pihak entiti kerajaan;
- pegawai atau pekerja perusahaan komersial milik atau dikendalikan kerajaan; atau
- individu lain dengan pengaruh kerajaan, seperti individu yang mempunyai hubungan peribadi atau keluarga yang rapat dengan pegawai kerajaan.

Item terakhir dalam senarai menunjukkan definisi pegawai kerajaan tidak selalunya merujuk kepada seseorang yang memegang jawatan kerajaan.

Mengamalkan Nilai Kita

Rasuah boleh berlaku dalam pelbagai bentuk. Penting bagi rakan bisnes kita dan semua pihak yang terlibat sebagai wakil kita mengikut standard, harapan dan komitmen tinggi kita untuk menjalankan bisnes dengan integriti dan undang-undang yang berkaitan. Semasa berurusan dengan organisasi luar, awasi tanda amaran yang memerlukan penyiasatan lebih lanjut sebelum mengambil atau bekerja dengan seseorang dari luar Ingredient, seperti:

- keengganan untuk bersetuju dengan standard global Ingredient atau peruntukan kontrak antirasuah;
- tidak konsisten atau memberi gambaran salah dalam proses usaha wajar atau keengganan untuk bekerjasama;
- permintaan untuk pembayaran yang tidak biasa, seperti pembayaran secara tunai atau pembayaran yang dibuat kepada perantara pihak ketiga (contohnya, bukan kepada vendor yang menyediakan perkhidmatan);
- permintaan untuk membuat sumbangan amal;
- cadangan daripada pihak pegawai kerajaan;
- mengupah saudara mara pegawai kerajaan atau tawaran latihan amali kepada saudara;
- komisen atau yuran lebih tinggi daripada kadar semasa;
- mempunyai reputasi melakukan amalan bisnes yang dipersoalkan;
- menjalin hubungan sosial, bisnes atau keluarga dengan pegawai kerajaan.

Apabila memilih dan mengekalkan pembekal, sentiasa:

- patuhi proses pembidaan, perundingan dan kontrak yang berkaitan;
- elakkan kemungkinan atau konflik kepentingan sebenar dengan pembekal;
- sertakan klausa FCPA dalam semua kontrak pembekal Ingredient;
- melaksanakan usaha wajar dalam menentukan pembekal perusahaan yang sah, mempunyai reputasi integriti dan tingkah laku beretika, berhubung dengan semua daripada kerajaan atau organisasi kerajaan, atau jika pembekal pernah terlibat dengan aktiviti yang menyalahi undang-undang.

Hubungi pihak Undang-undang tempatan anda untuk mendapatkan panduan usaha wajar pembekal.

Mempraktikkan Nilai Kita dalam Tindakan

S: *Saya disarankan untuk memberikan "tip" \$20 kepada seorang pegawai syarikat telefon milik kerajaan untuk memastikan saluran telefon dipasang tepat pada waktunya di pejabat syarikat. Adakah tindakan memberikan wang sejumlah kecil itu, walaupun dari poket saya sendiri, melanggar undang-undang?*

J: *Ya. Anda perlu menghubungi jabatan Undang-undang tempatan, Pematuhan Korporat, atau Talian Etika Bisnes anda. Transaksi ini akan dianggap sebagai pembayaran pemudahan yang dilarang berdasarkan dasar Ingredient, tanpa mengira jumlah. Membayar daripada wang anda sendiri atas nama Ingredient tidak mengubah sifat pembayaran. Ia adalah rasuah. Walaupun tanpa memikirkan pembayaran yang sudah dilakukan, ia perlu dilaporkan dalam akaun syarikat.*

S: *Seorang pemeriksa tempatan mengunjungi kilang Ingredient secara berkala. Baru-baru ini, pemeriksa menyatakan dia mendapati ada kesalahan dan mengancam akan menutup kilang melainkan pengurus kilang bersetuju untuk membuat pembayaran tunai kepada pemeriksa. Pengurus kilang bimbang dengan sebarang gangguan kepada proses pengeluaran. Oleh kerana jumlah yang diminta adalah kecil, dia berpendapat tiada masalah untuk membuat pembayaran jika kilang itu dapat terus beroperasi. Adakah dia betul?*

J: *Tidak. Pengurus kilang mungkin menganggap dia membantu Ingredient mengelakkan gangguan pada aktiviti kilang. Namun, memberikan sebarang nilai kepada pemeriksa dalam keadaan seperti ini akan dianggap sebagai rasuah, kerana pembayaran itu bertujuan untuk mempengaruhi pemeriksaan pemeriksa ke atas fasiliti kilang. Dia tidak boleh bersetuju untuk membuat pembayaran dan dia perlu segera menghubungi Jabatan Perundangan, Pematuhan Korporat, atau Talian Etika Bisnes.*



Ketahui Lebih Lanjut.

Semak [dasar Antirasuah dan Antisogokan](#) dan pautan untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang Akta Rasuah UK dan keperluan lain.



Menjadi Pilihan

Kita berhak untuk menjadi pilihan pelanggan dengan memberikan nilai kukuh dan berpanjangan bersama di setiap titik pengalaman pelanggan.

DALAM BAHAGIAN INI:

- Persaingan Adil
- Hadiah dan Keraian
- Konflik Kepentingan
- Sumbangan dan Aktiviti Politik
- Pematuhan Perdagangan Antarabangsa

Soalan atau Kebimbangan? Lawati Talian Etika Bisnes di INGRethics.com



Persaingan Adil

Kita percaya pada persaingan yang adil. Kita berusaha untuk memberikan penyelesaian sumber yang membolehkan pelanggan kita menghasilkan produk yang lebih disukai dan berjaya di pasaran tempatan. Kita tidak pernah menggunakan cara yang tidak sah atau beretika untuk memperolehi kelebihan kompetitif.

Memperolehi Kepintaran Kompetitif

Kepintaran kompetitif boleh diperoleh secara adil dan beretika daripada sumber umum sedia ada, seperti laporan media, jurnal perdagangan, laporan tahunan, fail kerajaan, teks ucapan eksekutif syarikat dan pelanggan dalam konteks memenuhi tawaran kompetitif.

Kepintaran kompetitif tidak boleh diperoleh melalui penyalahgunaan, pencerobohan, pencurian, pencerobohan privasi atau mendapatkan maklumat daripada rakan sekerja tentang majikan sebelumnya.

Semasa berurusan dengan pesaing, jangan membuat sebarang perjanjian - sama ada formal ataupun tidak, bertulis atau lisan - untuk menetapkan harga atau syarat penjualan lain; penyetaraan tawaran; peruntukan pelanggan, kawasan penjualan, atau barisan produk; atau terlibat dalam aktiviti lain yang melanggar undang-undang antipakat atau persaingan yang berkenaan. Kita tidak pernah membincangkan topik berikut dengan pesaing, walaupun dalam suasana tidak rasmi seperti pameran perdagangan atau acara pelanggan. Hubungi jabatan Undang-undang tempatan anda jika anda mempunyai sebarang kebimbangan.

Mengamalkan Nilai Kita

Kita bersaing bersungguh-sungguh demi kualiti produk kita, dengan tujuan untuk memenuhi atau melangkaui keperluan pelanggan kita dan memberikan penyelesaian sumber unggul yang membantu kejayaan pelanggan kita. Persaingan adil:

- tidak menggunakan cara yang tidak sah atau beretika untuk mendapatkan kelebihan kompetitif;
- tidak bersetuju untuk menetapkan harga, tawaran rig atau membahagikan produk, kawasan, pelanggan atau pasaran secara tidak sah, atau mengehendkan pengeluaran atau penjualan produk;
- tidak membuat kenyataan palsu, tidak berasas, atau mengelirukan tentang syarikat kita, pesaing atau produk mereka;
- tidak menggunakan maklumat yang diperoleh dengan tidak adil atau kaedah yang menyalahi undang-undang;
- tidak melibatkan pihak ketiga dalam mendapatkan maklumat persaingan yang tidak sah jika dikumpul secara langsung oleh Ingredient.

Mempraktikkan Nilai Kita dalam Tindakan

S: *Saya mempunyai rakan baik yang bekerja untuk pesaing. Di pameran perdagangan, rakan saya mencadangkan strategi bagi setiap individu untuk meningkatkan penjualan dengan melakukan pembahagian kawasan. Perlukah saya mengikut rancangannya?*

J: *Tidak. Memperuntukkan pelanggan atau kawasan geografi antara pesaing adalah tindakan yang melanggar undang-undang. Sekiranya pesaing memulakan perbincangan tentang pembahagian kawasan, hentikan perbualan dengan segera*. Sekiranya anda berada di pameran perdagangan dan perbualan ini bermula, segera tamatkan perbualan. Laporkan sebarang usaha untuk membincangkan tingkah laku antipersaingan kepada jabatan Perundangan dengan segera.*

**Anda perlu menghentikan perbualan ini dan memberi nasihat "kami tidak boleh mengadakan perbincangan seperti ini, dan jika tidak dihentikan, saya akan pergi sekarang!"*



Ketahui Lebih Lanjut.

Semak dasar Persaingan Adil Ingredient

Hadiah dan Keraian

Kita bertanggungjawab untuk memastikan hubungan kita bersama pelanggan, pembekal dan rakan bisnes lain berdasarkan keputusan objektif dan tidak dipengaruhi oleh hadiah atau tawaran hiburan. Bahagian ini juga diguna pakai kepada rakan kongsi atau pihak ketiga kita, yang bekerja sebagai wakil Ingredient.

Bilakah kita dibenarkan untuk memberi atau menerima makanan, hiburan atau hadiah?

Hadiah DIBENARKAN selagi ia:	Hadiah DILARANG jika ia:
<ul style="list-style-type: none"> • Tidak melanggar undang-undang tempatan atau standard bisnes penerima; • Tidak membuatkan penerima merasa bertanggungjawab atau terhutang budi; • Tidak diminta; • Tidak kerap dilakukan; • Tidak melebihi amalan bisnes tempatan yang diterima semua; • Pelengkap wajar kepada hubungan bisnes; • Konsisten dengan Tatakelakuan Ingredient; dan • Dinyatakan dengan tepat dalam laporan perbelanjaan pekerja, buku dan rekod Ingredient 	<ul style="list-style-type: none"> • Menyalahi undang-undang; • Boleh menyebabkan - atau memperlihatkan sebab - pekerja untuk memberikan atau menerima ganjaran sebagai balasan; • Berlebih-lebihan; • Bertindan dengan keputusan pembelian atau penjualan, kerana ia mungkin mempengaruhi keputusan yang tidak wajar; • Melibatkan pemberian atau penerimaan wang tunai atau nilai sama seperti kad hadiah, sijil hadiah atau baucar dengan jumlah perbelanjaan dinyatakan; • Tidak menyenangkan, berunsurkan seks atau menyinggung perasaan.
<p>TIDAK meminta (atau mengharapkan) hadiah, ganjaran atau hiburan, daripada rakan bisnes Ingredient. Ingat, peraturan khas digunakan semasa berinteraksi dengan pegawai kerajaan.</p>	

HADIAH DAN KERAIAN KEPADA PEGAWAI KERAJAAN

Memberi atau menawarkan hadiah atau makanan kepada pegawai kerajaan (atau atau seseorang yang mempunyai hubungan peribadi atau keluarga yang rapat dengan pegawai kerajaan) mungkin melanggar undang-undang tempatan dan A.S. (dan, jika anda tidak berada di A.S., anda tertakluk kepada undang-undang di negara lokasi bisnes anda). Hubungi Jabatan Undang-undang, Pematuhan Korporat atau tempatan sebelum memberi atau menawarkan hadiah, makanan atau hiburan kepada pegawai kerajaan (atau seseorang yang mempunyai hubungan peribadi atau keluarga yang rapat dengan pegawai kerajaan)—dan juga sebelum anda bersetuju untuk menerima sebarang hadiah.

PINJAMAN

Pegawai eksekutif, pengarah dan pekerja tidak boleh menerima pinjaman daripada atau jaminan yang dijamin syarikat, kecuali yang dibenarkan oleh dasar syarikat.

Mempraktikkan Nilai Kita dalam Tindakan

S: *Saya adalah sebahagian daripada pasukan yang melakukan kontrak pembaharuan dengan pembekal semasa. Semasa rundingan, pembekal menawarkan empat tiket untuk permainan bola musim biasa. Walaupun tiket individu tidak terlalu mahal, nilainya lebih tinggi daripada jumlah yang dianggap sederhana di tempat saya. Tiket juga sukar diperolehi, kerana pasukan yang akan bermain. Dalam situasi itu, saya bertindak memberitahu pengurus saya. Kami memutuskan cara yang terbaik adalah dengan tidak menerima tiket itu. Adakah kami melakukan perkara yang betul?*

J: *Ya. Mendapatkan panduan dan bimbingan daripada pengurus anda sebelum menerima hadiah ini, yang bernilai lebih daripada nilai sederhana, adalah pendekatan tepat dalam situasi ini. Dalam situasi ini, tawaran pembekal dapat dilihat sebagai usaha untuk mempengaruhi hasil pembaharuan kontrak.*

 **Ketahui Lebih Lanjut**
Semak [Hadiah dan Keraian](#) Ingredient

Konflik Kepentingan

Kita bertindak demi kepentingan Ingredient dan tidak membiarkan keputusan bisnes kita dipengaruhi, atau kelihatan dipengaruhi, oleh kepentingan peribadi, keluarga atau persahabatan, atau hubungan lain yang mungkin ada.

Apakah konflik kepentingan?

Konflik kepentingan timbul apabila kepentingan peribadi mengganggu atau memberi kesan kepada kerja yang dilakukan dengan adil dan beretika tanpa berat sebelah atau pengaruh tidak wajar. Beberapa keadaan adalah jelas, seperti mempunyai saudara dekat sebagai pengurus atau berkhidmat sebagai lembaga pengarah kepada pesaing.

Konflik boleh timbul dalam pelbagai situasi dan Kod kita tidak mungkin dapat menyenaraikan semuanya. Sekiranya anda ragu-ragu, hubungi pengurus anda, Undang-undang, Pematuhan Korporat, Jawatankuasa Pematuhan Tempatan, Sumber Manusia atau Talian Etika Bisnes sebelum mengambil tindakan.

Ingat, mempunyai konflik kepentingan tidak semestinya melanggar Tatakelakuan kita, namun gagal untuk mendedahkannya adalah satu kesalahan.

Mengamalkan Nilai Kita

Konflik kepentingan boleh mempengaruhi reputasi dan bisnes Ingredient secara negatif dan turut memberikan kesan negatif kepada individu. Untuk mengelakkan kesan negatif daripada konflik kepentingan:

- tidak membiarkan keputusan bisnes kita dipengaruhi, atau kelihatan seperti dipengaruhi, oleh kepentingan peribadi, keluarga atau persahabatan;
- elakkan sebarang situasi yang mungkin boleh mempengaruhi pertimbangan anda;
- tidak meminta atau menerima sebarang nilai yang boleh dianggap sebagai cara untuk mempengaruhi pertimbangan bisnes secara tidak wajar;
- memberi anugerah bisnes hanya berdasarkan prestasi untuk mendapatkan produk dan perkhidmatan terbaik pada harga dan syarat terbaik;
- sentiasa membuat keputusan yang berkaitan dengan Ingredient berdasarkan objektif dan keutamaan syarikat;
- tidak mengejar peluang bisnes yang kita peroleh melalui kerja kita dengan Ingredient demi keuntungan peribadi atau entiti lain selain Ingredient; dan
- segera mendedahkan potensi konflik kepentingan dengan menghubungi pengurus, Undang-Undang, Pematuhan Korporat, Sumber Manusia atau Talian Etika Bisnes.

Mempraktikkan Nilai Kita dalam Tindakan

S: Don bekerja dalam bahagian perolehan jagung. Baru-baru ini, dia dipindahkan ke sebuah kilang berhampiran kampung halamannya dan dinaikkan pangkat menjadi pengurus. Beberapa orang pakciknya memiliki ladang berdekatan dan dia mendapat tahu yang mereka menjual jagung kepada Ingredient, sekali sekala. Don khawatir transaksi ini mungkin kelihatan atau mewujudkan konflik kepentingan dengan peranan barunya. Adakah Don perlu mendedahkan konflik berpotensi ini?

J: Ya. Don mempunyai kebimbangan yang sah dan perlu membawa situasi ini kepada perhatian pengurusnya, Jabatan Undang-undang atau Jawatankuasa Pematuhan tempatan. Selepas pendedahan, syarikat boleh mengkaji situasi ini dan menentukan sama ada ia menimbulkan konflik kepentingan.



Ketahui Lebih Lanjut

Semak dasar [Konflik Kepentingan](#) Ingredient

Sumbangan dan Aktiviti Politik

Kita mematuhi semua undang-undang yang diguna pakai untuk aktiviti politik dan keperluan pendedahan.

AKTIVITI MELOBI

Aktiviti melobi adalah usaha untuk mempengaruhi tindakan, dasar, atau keputusan pegawai dalam kehidupan seharian mereka. Tiada pekerja, kontraktor, atau ejen yang boleh melakukan aktiviti melobi atas nama Ingredient tanpa persetujuan awal dan koordinasi bertulis dengan profesional atau peguam undang-undang Hal Ehwal Kerajaan yang bertanggungjawab untuk negara atau rantau berikut. Sebarang aktiviti melobi yang dibenarkan perlu mematuhi undang-undang yang berkenaan. Sekiranya anda tidak pasti sama ada komunikasi atau interaksi anda dengan pegawai kerajaan dianggap aktiviti melobi, hubungi profesional atau peguam undang-undang Hal Ehwal Kerajaan yang bertanggungjawab untuk negara atau rantau berikut.

SUMBANGAN DAN PENYERTAAN POLITIK

Ingredient tidak memberikan sumbangan politik kepada calon, organisasi parti politik, jawatankuasa politik atau organisasi politik sebagai balasan atas tindakan rasmi yang tersurat atau tersirat.

Mengamalkan Nilai Kita

Banyak negara lokasi Ingredient menjalankan bisnes mengawal aktiviti melobi dengan ketat. Ingat:

- jangan sesekali melibat diri dalam aktiviti melobi bagi pihak Ingredient tanpa persetujuan awal dan koordinasi bertulis dengan profesional atau peguam undang-undang Hal Ehwal Kerajaan yang bertanggungjawab untuk negara atau rantau itu;
- aktiviti melobi perlu mematuhi undang-undang persekutuan, negeri, dan tempatan.

Sekiranya anda tidak pasti sama ada komunikasi atau interaksi anda dengan pegawai kerajaan dianggap sebagai aktiviti melobi, hubungi profesional atau peguam undang-undang Hal Ehwal Kerajaan yang bertanggungjawab untuk negara atau rantau itu.

SUMBANGAN DAN AKTIVITI POLITIK PERIBADI

Ingredient menghormati hak pekerja dan individu lain yang bekerja dengan syarikat untuk menyertai aktiviti politik pada waktu mereka sendiri, di luar waktu kerja. Sekiranya sumbangan politik peribadi dibenarkan oleh undang-undang, fahami syarat tambahan berikut yang berkaitan hubungan anda dengan syarikat:

- tidak menyumbang menggunakan dana syarikat;
- tidak menyerahkan perbelanjaan aktiviti politik peribadi kepada syarikat untuk pembayaran balik;
- tidak menggunakan sumber syarikat atau mendedahkan maklumat sulit Ingredient semasa mengambil bahagian dalam aktiviti politik; dan
- tidak menyatakan atau mencadangkan anda mewakili Ingredient dengan sebarang cara dalam aktiviti politik individu (contohnya, media sosial).

Peraturan di atas diguna pakai untuk setiap kontraktor individu dan individu lain yang bekerja untuk Ingredient.

Mempraktikkan Nilai Kita dalam Tindakan

S: *Saya diminta untuk melakukan kempen politik tempatan. Bolehkah saya berbuat demikian?*

J: *Ya. Syarikat kita menggalakkan penyertaan dalam proses politik. Walau bagaimanapun, adalah penting bagi anda untuk memisahkan urusan kerja dan aktiviti politik dari tempat kerja, mengikut masa dan perbelanjaan anda sendiri. Oleh itu, anda tidak boleh menggunakan sumber syarikat, termasuk waktu kerja, kenderaan syarikat, penggunaan rangkaian komputer atau telefon syarikat, atau penggunaan nama syarikat atau aset lain, ketika menguruskan aktiviti politik peribadi.*



Ketahui Lebih Lanjut

Semak dasar Berinteraksi dengan Pegawai Kerajaan

Pematuhan Perdagangan Antarabangsa

Kita mematuhi semua peraturan, perjanjian dan batasan perdagangan yang digunakan bisnes kita dalam pertukaran barangan antara negara, termasuk pernyataan kastam import dan undang-undang kawalan eksport.

Mengamalkan Nilai Kita

Sekiranya anda bertanggungjawab bagi pergerakan produk Ingredient, atau pembekal bahan bukan komersial merentasi sempadan, anda perlu mengetahui dan mematuhi undang-undang AS dan undang-undang tempatan di luar AS yang mengawal perdagangan, tanpa mengira lokasi asal anda. Ingat:

- Ingredient tidak menjalankan bisnes tanpa kebenaran dengan negara atau pihak ketiga yang dikenakan embargo perdagangan atau sekatan ekonomi (contohnya, Iran., Syria, Korea Utara);
- sebagai syarikat yang berpusat di A.S., Ingredient dilarang mengambil bahagian dalam boikot (contohnya, keengganan untuk menjual kepada pelanggan yang berada di negara tertentu) yang tidak disokong oleh kerajaan Amerika Syarikat;
- import barangan Ingredient perlu menjalani penilaian duti daripada tarif penilaian yang tepat berdasarkan kos pembelian (harga yang dibayar) atau nilai transaksi (dasar Perpindahan Harga Ingredient) bagi transaksi pihak berkaitan;
- mematuhi prosedur atau dasar pematuhan perdagangan tempatan anda yang berkaitan negara dan lokasi pekerjaan anda;
- hubungi wakil pematuhan perdagangan atau Jabatan Undang-undang tempatan anda sekiranya ada pelanggan, pembekal, atau ejen penghantaran meminta Ingredient untuk mengambil bahagian dalam boikot atau melakukan bisnes dengan pihak yang dikenakan embargo. Ingat, sekatan boleh berubah. Sentiasa dapatkan nasihat terkini sebelum anda mengambil tindakan.

Mempraktikkan Nilai Kita dalam Tindakan

- S:** Seorang pelanggan antarabangsa meminta agar pekerja di A.S. menandatangani pernyataan atau sijil asal dalam mengenal pasti produk syarikat yang berasal dari Mexico untuk mengelakkan pembayaran duti kastam di negara asalnya. Saya tahu produk itu dibungkus di Mexico tetapi saya tidak mengetahui proses pembuatannya dan lokasi asal produk itu. Bolehkah saya menandatangani dokumen itu?
- A:** Tidak, tidak boleh tanpa persetujuan awal daripada pihak Korporat atau [Hubungan Pasukan Pematuhan Perdagangan Kanada/Amerika Syarikat](#) atau hubungan pematuhan perdagangan tempatan anda. Pernyataan dan perakuan asal dikawal undang-undang tempatan dan antarabangsa. Mereka memerlukan analisis terperinci tentang proses pembuatan di bawah kumpulan peraturan yang ditetapkan. Pernyataan yang salah boleh mengakibatkan pernyataan palsu kepada pihak berkuasa kastam dan syarikat boleh dikenakan denda dan hukuman, walaupun Ingredient bukan pengimport atau pengeksport.



Ketahui Lebih Lanjut

Sistem Pengurusan Pematuhan Perdagangan Ingredient



Everyone Belongs

Semua Dihargai dan Diterima

Kita menerapkan kepelbagaian dan memupuk persekitaran kerja secara proaktif agar setiap individu berasa dihargai dan diinspirasi untuk memberikan yang terbaik.

DALAM BAHAGIAN INI:

Kepelbagaian dan Kemasukan

Gangguan dan Diskriminasi

Antikeganasan, Ancaman dan Intimidasi

Soalan atau Kebimbangan? Lawati Talian Etika Bisnes di INGRethics.com



Kepelbagaian dan Kemasukan

Kita memanfaatkan pelbagai bakat dan perspektif tenaga kerja kita untuk mencari cara baharu dalam menambah nilai bisnes dan bisnes pelanggan kita.

Kita berusaha untuk memasukkan dan memperkukuhkan kepelbagaian pasukan kita kerana ia membantu kita mencapai hasil bisnes yang lebih kukuh dan baik, sambil mewujudkan pengalaman pekerja yang positif.

Mengamalkan Nilai Kita

Kita percaya pertumbuhan dan inovasi kita bergantung pada budaya syarikat yang menghargai dan mempromosi kepelbagaian dan kemasukan. Kepelbagaian pemikiran, perspektif, latar belakang dan pengalaman sangat penting untuk kejayaan jangka panjang syarikat. Kita:

- menghargai pelbagai bakat pasukan kita;
- menunjukkan rasa hormat antara satu sama lain;
- aktif dalam mencari pendapat dan pendekatan berbeza;
- terus berusaha untuk mengatasi dan mengatasi bias (sedar dan tidak sedar); dan
- mendorong pertumbuhan dan inovasi dengan mengintegrasikan strategi kepelbagaian dan kemasukan dalam amalan bisnes kita.



Mempraktikkan Nilai Kita dalam Tindakan

S: *Saya dengar kepelbagaian bermaksud layanan istimewa untuk pengambilan pekerja dan kenaikan pangkat. Adakah ini betul?*

J: *Tidak. Keputusan pengambilan dan kenaikan pangkat hanya berdasarkan pada faktor seperti kemahiran, kelayakan, prestasi dan keperluan bisnes, bukan pada ciri peribadi.*



Ketahui Lebih Lanjut:

Semak dasar Kepelbagaian dan Kemasukan

Gangguan dan Diskriminasi

Kita komited dalam mengekalkan tempat kerja bebas daripada gangguan, diskriminasi dan tindakan lain yang menyinggung atau tidak sopan.

Kita merekrut, melatih dan mempromosi bakat berdasarkan kemahiran, kemampuan, kelayakan, prestasi dan aspirasi seseorang, tanpa mengira ciri-ciri yang tidak berkaitan dengan pekerjaan.

Apakah Gangguan dan Diskriminasi?

Gangguan adalah tindakan yang tidak diingini berkaitan dengan ciri seseorang yang dilindungi secara sah, seperti bangsa atau jantina, yang mewujudkan persekitaran kerja yang berbahaya atau tidak baik. Gangguan mungkin dalam bentuk lisan, visual dan fizikal.

Gangguan seksual mungkin terdiri daripada tingkah laku verbal, visual atau fizikal yang berunsur seksual yang tidak diingini atau membuatkan seseorang berasa tidak selesa. Ia wujud dalam pelbagai bentuk, seperti:

- mengambil kesempatan secara seksual, permintaan seksual atau tuntutan tarikh yang tidak diingini;
- jenaka, gambar, teks atau e-mel yang berunsurkan seks;
- komen eksplisit atau merendahkan penampilan; atau
- paparan gambar atau pornografi yang menjurus ke arah seksual.

Diskriminasi bermaksud membuat keputusan pekerjaan berdasarkan kriteria yang tidak sah dan berkaitan pekerjaan seperti bangsa, warna kulit, agama, usia, jantina, identiti, ekspresi jantina, status, orientasi seksual, status veteran, ketidakupayaan, perkhidmatan ketenteraan, atau klasifikasi lain yang dilindungi oleh undang-undang.

Mengamalkan Nilai Kita

Syarikat kita meraikan keunikan para pekerja dan membina pasukan berprestasi tinggi dengan mewujudkan keadaan yang memotivasikan setiap individu untuk melaksanakan kerja terbaik mereka. Demi mengamalkan nilai kita, kita:

- perlu melayan setiap individu dengan adil dan memfokuskan pada nilai yang mereka bawa ke Ingredion;
- membuat keputusan tentang pengambilan, latihan dan kenaikan pangkat berdasarkan prestasi;
- enggan menerima sebarang alasan bagi diskriminasi atau gangguan.

Mempraktikkan Nilai Kita dalam Tindakan

- S:** *Salah seorang rakan sekerja menghantar lawak jenaka yang tidak sesuai melalui e-mel kepada saya dan beberapa orang lain di jabatan saya. Saya menganggapnya menyinggung perasaan, tetapi saya tidak tahu sama ada saya perlu menyuarkan kebimbangan itu kepada rakan sekerja saya. Apakah yang perlu saya lakukan?*
- J:** *Kita mempunyai kewajipan untuk memastikan Ingredion adalah tempat kerja yang bagus untuk semua. Tingkah laku yang menyinggung seperti menghantar lawak jenaka yang tidak sesuai adalah tindakan yang tidak diterima. Sekiranya anda berasa tidak selesa bercakap dengan rakan sekerja anda secara langsung, hubungi pengurus anda, Sumber Manusia, atau jabatan Perundangan tempatan.*

Antikeganasan, Ancaman dan Intimidasi

Kita tidak bertolak ansur dengan tingkah laku ganas, ancaman kepada individu atau harta benda, intimidasi atau paksaan fizikal.

Mengamalkan Nilai Kita

- Kita tidak terlibat dalam tindakan keganasan di tempat kerja, serangan verbal, ancaman, ekspresi berbahaya, intimidasi, pencerobohan, atau tindakan memalukan individu dengan sengaja. Syarikat kita juga melarang pemilikan senjata di tempat kerja.
- Kita menyuarkan dan melaporkan potensi gangguan dan ancaman keganasan dengan segera. Sekiranya ada kemungkinan berlaku keganasan, laporkan segera.





Innovate Boldly

Berinovasi Penuh Berani

Kita berani berusaha untuk melakukan inovasi cemerlang, dipacu sifat ingin tahu, pemikiran berani, kepantasan dalam membuat keputusan dan pelaksanaan.

DALAM BAHAGIAN INI:

Harta Intelek dan Aset Syarikat

E-mel, Internet dan Sistem Maklumat

Soalan atau Kebimbangan? Lawati Talian Etika Bisnes di INGRethics.com



Harta Intelekt dan Aset Syarikat

Kita melindungi harta intelek syarikat dan aset syarikat lain. Kita juga menggunakan sumber syarikat dengan penuh tanggungjawab.

Apakah aset syarikat?

Aset syarikat adalah sumber atau nilai yang dimiliki oleh Ingredient. Aset syarikat mempunyai pelbagai bentuk, seperti:

- Aset maklumat: Data yang berkaitan produk, bisnes, atau cara kita menjalankan operasi kita, tanpa mengira cara ia dibuat, diedarkan, digunakan, atau disimpan.
- Aset kewangan: Wang atau sebarang bentuk aset yang boleh ditukar kepada wang seperti saham, bon dan deposit bank.
- Aset fizikal: Milik nyata syarikat yang digunakan untuk menjalankan bisnes kita (contohnya, kemudahan, mesin, alat, komputer, telefon bimbit, bahan mentah, kenderaan, peralatan pejabat dan bekalan).
- Aset bukan fizikal: Reputasi, idea, penemuan, harta intelek, reka bentuk, hak cipta, tanda dagangan, paten dan rahsia perdagangan kita.
- Produk hasil kerja: Produk hasil kerja anda adalah milik Ingredient jika dibuat atau dibangunkan—secara keseluruhan atau sebahagian—pada waktu syarikat, sebagai sebahagian daripada tanggungjawab anda atau menggunakan sumber atau maklumat syarikat.

Mengamalkan Nilai Kita

Aset syarikat kita adalah sangat berharga. Ia memacu inovasi, melindungi reputasi syarikat, menyokong kita dalam memberikan produk, perkhidmatan dan penyelesaian yang unggul. Kita melindungi dan menggunakan aset syarikat dengan bertanggungjawab:

- melindungi aset fizikal dengan baik dan mematuhi semua prosedur keselamatan diguna pakai dalam pekerjaan kita;
- melindungi komputer, komputer riba dan peranti elektronik lain dengan baik;
- mematuhi Garis Panduan Jenama Ingredient dan mendapatkan kebenaran yang sesuai sebelum menyiarkan komunikasi jenama Ingredient;
- melindungi maklumat sulit syarikat dengan baik dan tidak pernah mendedahkan maklumat sulit kepada sesiapa di luar syarikat melainkan diberi kebenaran jelas (contohnya, maklumat yang dilindungi perjanjian tanpa pendedahan); dan
- melindungi dan tidak memadam fail, dokumen atau maklumat lain yang mungkin diperlukan untuk proses litigasi, siasatan atau audit yang ditunda atau belum selesai.



i Ketahui Lebih Lanjut.
Semak dasar Harta Intelektual
Garis Panduan Jenama
Dasar Klasifikasi Data

E-mel, Internet dan Sistem Maklumat

Kita menggunakan e-mel syarikat, akses internet dan sistem maklumat lain dengan penuh bertanggungjawab dan melindungi keselamatan sistem maklumat kita.

Mengamalkan Nilai Kita

E-mel, akses internet dan sistem maklumat syarikat adalah alat penting yang diperlukan untuk berinovasi dengan berani. Pekerja perlu mengamalkan sikap dan pertimbangan yang baik dalam menggunakan sistem syarikat:

- memberi akses hanya kepada individu yang dibenarkan dan selama tempoh yang diperlukan;
- mengambil langkah sesuai dalam menggunakan kata laluan yang unik dan melindungi kata laluan;
- tidak menggunakan sumber syarikat, e-mel dan akses internet untuk menyinggung perasaan, mengganggu atau mengancam individu lain atau mengakses, menghantar, menyimpan bahan haram atau menyinggung perasaan;
- kegunaan peribadi yang wajar dan perlu sahaja apabila menggunakan sistem dan peralatan syarikat;
- tidak memuat turun perisian yang tidak dibenarkan atau berlesen ke komputer Ingredient atau peranti mudah alih;
- mengambil langkah wajar untuk melindungi peranti syarikat, seperti komputer riba, dengan tidak membiarkannya tanpa pengawasan semasa dalam perjalanan atau di lokasi yang terdedah kepada kecurian;
- tidak menggunakan sistem maklumat syarikat untuk menghasilkan semula, memaparkan, menyebarkan, atau menyimpan bahan yang melanggar tanda dagangan, hak cipta, pelesenan, atau hak harta intelek lain; dan
- laporkan pelanggaran data yang disyaki, atau situasi yang anda yakin data sudah atau mungkin dikompromikan, termasuk kehilangan atau kecurian komputer riba atau peranti mudah alih, kepada Kaunter Perkhidmatan IT dengan segera.

Mempraktikkan Nilai Kita dalam Tindakan

S: *Saya menggunakan komputer yang diberikan oleh syarikat saya untuk memuat turun perisian percuma yang boleh saya gunakan untuk kerja saya.*

J: *Jangan memasang aplikasi atau perisian ke peranti—milik syarikat atau sebaliknya—yang boleh merosakkan keselamatan aset teknologi maklumat Ingredient. Memasang aplikasi secara langsung boleh membawa virus atau program tidak baik ke dalam rangkaian syarikat yang boleh menyebabkan kerosakan. Selain itu, jangan mengklik pautan dalam e-mel daripada sumber yang tidak diketahui, kerana anda mungkin membenarkan kemasukan kod yang berpotensi dan berbahaya ke dalam rangkaian syarikat tanpa sengaja.*



Ketahui Lebih Lanjut

Semak dasar [Penggunaan IT yang Diterima](#) Ingredient



Corak Pemikiran Pemilik

Kita berfikir dan bertindak seperti pemilik. Setiap orang mengambil tanggungjawab peribadi dalam menjangkakan cabaran, mencari peluang secara proaktif dan membuat keputusan yang paling sesuai demi kepentingan syarikat.

DALAM BAHAGIAN INI:

Ketepatan Buku dan Rekod

Perdagangan Orang Dalam

Komunikasi Luaran dan Media Sosial

Maklumat Sulit



Ketepatan Buku dan Rekod

Kita bertanggungjawab untuk memastikan rekod bisnes Ingredient tepat dan kompetitif.

Mengamalkan Nilai Kita

Pendedahan dan pernyataan umum Ingredient berdasarkan ketepatan dan kebenaran buku dan rekod kita. Buku dan rekod syarikat perlu lengkap, tepat dan boleh dipercayai. Ia juga perlu mematuhi Prinsip Perakaunan yang Diterima Umum. Setiap daripada kita memainkan peranan dalam memastikan rekod bisnes Ingredient adalah tepat dan lengkap:

- mematuhi semua dasar kewangan dan kawalan dalaman, termasuk dasar perjalanan dan perbelanjaan;
- mematuhi undang-undang, peraturan, standard industri dan dasar syarikat yang diguna pakai kepada anda dalam menghasilkan, menyimpan, atau memusnahkan rekod dan dokumen; dan
- bersuara jika anda mengesan penipuan atau menyedari ketidaktepatan dalam rekod syarikat atau kegagalan untuk mengikut kawalan dalaman kita.

TIDAK memalsukan, menghilangkan, menyalahafsirkan, mengubah, atau menyembunyikan sebarang maklumat atau menyalahafsirkan fakta tentang rekod syarikat.

TIDAK menggalakkan atau membenarkan individu lain untuk menjejaskan ketepatan dan integriti rekod kita.

TIDAK menyembunyikan atau merekod dana, akaun, atau aset.

PENGURUSAN REKOD

Kita komited dalam mengurus dokumen dan maklumat lain yang direkod secara konsisten dan sesuai dengan tanggungjawab undang-undang dan keperluan bisnes yang relevan. Kita mesti:

- mematuhi dasar pengurusan rekod kita bagi semua dokumen, fail, rekod elektronik dan e-mel. Maklumat berkaitan maklumat peribadi pekerja memerlukan penjagaan khas.
- mematuhi tempoh penyimpanan yang ditentukan dalam Jadual Penyimpanan Rekod untuk negara dan fungsi anda.
- mematuhi arahan dalam [notis Penangguhan Undang-undang](#). Pelupusan maklumat yang tertakluk kepada Penangguhan Undang-Undang, walaupun secara tidak sengaja, boleh mendedahkan syarikat dan anda kepada tanggungjawab sivil dan jenayah.

Apakah itu rekod?

Maklumat yang direkod dalam sebarang media, salinan cetak atau elektronik, dalam jagaan atau kawalan syarikat yang berkaitan bisnes dianggap sebagai rekod.

Pelbagai kategori maklumat boleh dianggap sebagai rekod. Beberapa contoh termasuk penyata kewangan, pembentangan, gambar rajah, ilustrasi, formula, kertas lembaran, dokumen pembayaran gaji, kad waktu, rekod kehadiran, perjanjian undang-undang, rekod inventori, invoice, pesanan pembelian, kontrak, ujian penyelidikan pasaran, ujian makmal, ujian kawalan kualiti, data berkaitan dengan produk, laporan perjalanan dan perbelanjaan, rekod pemeriksaan, pengangkutan, log, rekod bahan berhazard, laporan kemalangan dan rancangan bisnes.

Mempraktikkan Nilai Kita dalam Tindakan

- S:** *Saya adalah pekerja baharu di jabatan saya. Semasa saya memulakan jawatan baharu, saya diberitahu oleh rakan kerja tidak salah untuk menanggungkan perbelanjaan tertentu sehingga tempoh berikutnya. Katanya, "Jika kita memindahkannya ke tahun fiskal berikutnya, kita tidak melakukan sebarang kesalahan." Adakah itu benar?*
- J:** *Tidak. Menanggungkan perbelanjaan tertunggak dengan sengaja, tanpa mengira jumlahnya, adalah amalan yang mengelirukan, tidak dapat diterima dan mungkin menyalahi undang-undang. Setiap urus niaga bisnes dan kewangan, walaupun tidak penting, perlu dilaporkan dengan tepat dan jujur. Pemalsuan dokumen atau rekod syarikat adalah kesalahan serius dan boleh mengakibatkan penamatan pekerjaan.*
- S:** *Saya bekerja dalam bahagian Kawalan Kualiti dan kami terlewat melepaskan pesanan kepada pelanggan. Lulus/gagal untuk ujian yang saya jalankan adalah 2.0g/ml dan hasil ujian kembali pada 2.1 g/ml. Saya tahu pelanggan ini menerima penghantaran lewat sekurang-kurangnya tiga kali dalam enam bulan terakhir. Sekiranya saya menolak pesanan ini, ini boleh menyebabkan penghantaran lewat yang keempat. Apakah yang perlu saya lakukan?*
- J:** *Rekod keputusan ujian dengan tepat. Penting bagi syarikat untuk menyimpan buku dan rekod yang tepat. Pelanggan dan pengguna bahan bergantung kepada kita.*



Ketahui Lebih Lanjut

Semak dasar [Pengurusan Rekod Ingredient](#)

Perdagangan Orang Dalam

Kita tidak menggunakan atau berkongsi maklumat sulit, privasi dan bukan umum tentang Ingredion atau syarikat lain untuk tujuan membeli atau menjual saham Ingredion atau saham syarikat lain.

Mengamalkan Nilai Kita

Semasa bekerja untuk Ingredion, anda mungkin mempelajari atau mempunyai akses kepada maklumat privasi dan bukan umum yang mungkin berkaitan pelabur. Maklumat ini, dipanggil "bahan maklumat bukan umum" atau "maklumat dalaman" terdiri daripada maklumat privasi yang akan dianggap penting oleh pelabur dalam membuat keputusan pelaburan. Undang-undang sekuriti mempunyai prosedur khas bagi mereka yang mempunyai maklumat dalaman tentang syarikat atau perdagangan sekuriti untuk melindungi pihak pelabur. Kita dilarang mendedahkan maklumat sulit dan privasi syarikat atau maklumat bukan umum syarikat lain yang tidak dibenarkan. Bagi mencegah perdagangan orang dalam:

- tidak melakukan perdagangan saham Ingredion atau syarikat awam lain semasa mengetahui maklumat dalaman tentang syarikat atau sekuriti berkenaan;
- tidak berkongsi maklumat dalaman dengan sesiapa di luar Ingredion, termasuk keluarga, saudara mara, atau rakan terdekat;
- berhati-hati dalam melindungi maklumat dalaman daripada pendedahan yang tidak disengajakan, dokumen syarikat dan percakapan yang tidak berhati-hati; dan
- elakkan memberi maklumat: menyampaikan maklumat penting, maklumat privasi tentang Ingredion atau syarikat lain kepada sesiapa yang mungkin melakukan perdagangan sekuriti.

Mempraktikkan Nilai Kita dalam Tindakan

S: *Saya berjumpa doktor untuk lawatan rutin. Pada penghujung janjitemu saya, doktor itu bertanya tentang prestasi saham Ingredion dan menyatakan keinginannya untuk melabur dalam Ingredion. Saya sudah lama mengenali doktor saya. Saya merasakan pelaburan sederhana dalam Ingredion dapat membantunya memulihkan sebahagian daripada kerugiannya semasa krisis kewangan global. Bolehkah saya memberitahu apa yang saya tahu tentang pelancaran produk yang akan datang atau mengesyorkan saham Ingredion kepadanya?*

J: *Tidak. Perincian pelancaran produk yang akan datang adalah maklumat penting dan bukan umum yang akan memberi doktor anda kelebihan perdagangan yang tidak adil. Berkongsi maklumat itu adalah tidak sah dan boleh mengakibatkan anda didakwa.*

Beritahu dia yang anda adalah pekerja Ingredion, anda tidak dapat memberikan maklumat sulit yang akan mendorong atau mengganggu perdagangan saham. Rujuk dia kepada bahagian [Perhubungan Pelabur di laman web kita](#) atau cadangkan agar dia menghubungi Perhubungan Pelabur sekiranya dia mempunyai soalan yang spesifik.



Ketahui Lebih Lanjut

Semak dasar [Perdagangan Orang Dalam](#) Ingredion



Komunikasi Luaran dan Media Sosial

Memiliki Corak Pemikiran Pemilik bermaksud kita menerapkan budaya akauntabiliti peribadi dalam semua perkara yang kita lakukan, termasuk proses komunikasi kita. Kita berkomunikasi tentang Ingredient dengan jujur, berfakta dan penuh tanggungjawab.

Mengamalkan Nilai Kita

Kita komited dalam melibatkan pelanggan dan pihak berkepentingan melalui komunikasi yang berkesan. Media sosial, seperti laman rangkaian sosial, blog, laman perkongsian foto dan video, forum dan ruang sembang memberi kita cara baharu untuk melibatkan diri dan berkolaborasi dengan individu lain. Kita menerima peluang komunikasi ini dan komited untuk menggunakannya secara bertanggungjawab. Ini bermakna, kita:

- berkomunikasi dengan benar dan tepat tentang Ingredient dan sentiasa melalui saluran komunikasi Ingredient yang dibenarkan;
- mengenal pasti pendapat anda sendiri melainkan anda dibenarkan untuk bercakap bagi pihak syarikat;
- tidak menghantar, membincangkan, atau mendedahkan maklumat sulit milik Ingredient atau amanah pelanggan atau pihak lain kepada kita;
- tidak menggunakan logo, tanda dagangan, atau bahan hak cipta Ingredient semasa menggunakan media sosial di luar tempat kerja. Kita tidak menghantar maklumat sulit, gambar, foto, video, atau klip audio menggunakan kemudahan Ingredient tanpa kebenaran bertulis;
- merujuk semua pertanyaan media ke unit Komunikasi Korporat atau Perhubungan Pelabur (atau pihak tempatan dengan fungsi sama di rantau anda); dan
- tidak menggunakan sistem komunikasi atau maklumat teknologi Ingredient untuk menghantar kandungan gangguan atau diskriminasi, atau sebarang siaran yang boleh membuatkan individu lain merasa dibuli atau diancam.

Ketahui Lebih Lanjut

Semak dasar Media Sosial dan [Komunikasi Luaran](#)

Mempraktikkan Nilai Kita dalam Tindakan

- S:** *Di LinkedIn, saya perhatikan pengguna menghantar soalan pada profil saya tentang potensi pemerolehan. Media berita sudah membincangkan pemerolehan itu, namun tiada pengumuman rasmi dibuat. Boleh saya komen pada siaran itu?*
- J:** *Tidak. Maklumat tentang potensi pemerolehan adalah maklumat sulit syarikat. Sekiranya media memilih untuk membuat spekulasi, itu adalah pilihan mereka. Komen terbuka anda boleh memberi kesan undang-undang dan kerosakan reputasi syarikat. Walaupun pemerolehan itu diumumkan oleh Ingredient, memberi komen akan mendedahkan maklumat yang tidak sepatutnya. Laporkan sebarang sebutan negatif tentang syarikat yang anda perhatikan di media sosial kepada Komunikasi Korporat. Jangan cuba memberi respon anda sendiri.*
- S:** *Selepas pertemuan positif dengan semua pemimpin, seorang pemimpin kanan menghantar tweet daripada akaun Twitter peribadinya: "Pertemuan yang baik. Nombor yang baik = Ahli Lembaga Gembira." Pengumuman pendapatan rasmi Ingredient akan dikeluarkan kepada semua pelabur pada hujung minggu. Namun, tweet itu daripada akaun peribadinya. Jadi, tiada masalah bukan?*
- J:** *Salah. Sekiranya pendapatan rasmi belum diumumkan, pengikut Twitter pemimpin itu boleh dianggap mempunyai akses kepada maklumat orang dalam, yang memberi kesan undang-undang dan reputasi kepada syarikat dan individu yang mengeluarkan tweet. Laporkan kesalahan ini kepada Sumber Manusia tempatan anda atau melalui Talian Etika Bisnes Ingredient.*

Maklumat Sulit

Kita melindungi maklumat sulit syarikat dan rakan bisnes kita.

Apakah maklumat sulit?

Maklumat sulit termasuk maklumat bukan umum, jika didedahkan secara salah, boleh memberi manfaat kepada pesaing atau membahayakan Ingredient, pembekal, pelanggan kita, organisasi atau pihak lain. Maklumat sulit mungkin relevan dalam keputusan pelabur untuk membeli, menjual, memegang sekuriti Ingredient atau rakan bisnes kita.

Maklumat sulit umumnya adalah sesuatu yang bernilai komersial kepada Ingredient, contohnya, ramalan pendapatan, rancangan bisnes, strategi dan penyusunan semula atau pelaburan penting; potensi penggabungan, pengambilalihan atau pelupusan; harga, maklumat penjualan, penyelidikan, pembangunan produk, formula dan resipi produk baharu; proses pembuatan; aktiviti pemasaran dan promosi yang tidak didedahkan, perubahan pengurusan penting; draf atau akaun yang tidak diterbitkan; dan acara berkaitan sekuriti Ingredient akan dianggap sebagai maklumat sulit. Kita perlu mengenal pasti sesuatu maklumat sulit dan mengambil langkah-langkah untuk memastikan maklumat itu selamat, tidak hilang, rosak, atau diserahkan secara tidak sengaja.

Pendedahan maklumat bahan, privasi dan bukan umum, sama ada disengajakan ataupun tidak, boleh mencetuskan pendedahan awam tertentu perihal syarikat.

Maklumat pekerja, termasuk maklumat peribadi yang sangat sensitif, seperti rekod kesihatan, perlu dirahsiakan dan hanya diakses oleh kakitangan Ingredient yang memerlukan untuk mengetahui maklumat bagi tujuan peranan mereka, contohnya kepada pengurus pekerja.

Mengamalkan Nilai Kita

Semasa bekerja di Ingredient, anda mungkin mempunyai akses kepada maklumat sulit pelanggan, pembekal, rakan bisnes, organisasi atau individu lain. Kita perlu sentiasa mengambil langkah berjaga-jaga untuk mengelakkan pendedahan yang tidak dibenarkan. Melindungi maklumat sulit:

- tidak mendedahkan maklumat sulit seseorang pelanggan kepada pelanggan lain;
- mendedahkan maklumat sulit hanya kepada mereka yang dibenarkan dan mempunyai keperluan bisnes untuk mengetahuinya;
- tidak berkongsi maklumat sulit dengan sesiapa sahaja di luar syarikat kita tanpa kebenaran.

Hubungi bahagian Pematuhan Korporat atau jabatan Undang-undang tempatan anda jika anda mengetahui atau mengesyaki maklumat diurus dengan salah atau sedang berisiko, walaupun secara tidak sengaja.

Mempraktikkan Nilai Kita dalam Tindakan

- S:** *Saya sedang mengusahakan projek M&A dengan pasukan pelbagai fungsi. Pada penghujung mesyuarat, beberapa ahli pasukan terus membincangkan status projek itu semasa berjalan ke arah restoran tempatan. Adakah ini satu masalah?*
- J:** *Ya. Maklumat berkaitan perjanjian M&A adalah sulit. Individu yang tidak mempunyai keperluan untuk mengetahui maklumat sulit mungkin mendengarnya di luar bilik mesyuarat. Berhati-hati agar tidak mendedahkan maklumat sulit syarikat di tempat awam.*
- S:** *Saya dapat menyelesaikan pelbagai perkara dengan membuat panggilan semula sambil menunggu untuk menaiki penerbangan atau kereta api. Adakah ini satu masalah?*
- J:** *Berhati-hati untuk tidak membincangkan maklumat privasi syarikat di tempat awam yang mungkin didengari pihak lain, seperti di dalam teks, lif, terutamanya semasa persidangan dan pameran perdagangan. Apabila anda perlu melakukan panggilan telefon di tempat awam, berhati-hati dengan persekitaran anda.*



Ketahui Lebih Lanjut

Lihat dasar Penggunaan Aset IT dan Pengurusan Rekod yang Diterima

Kita menunjukkan integriti dan standard etika yang tinggi secara konsisten



Tatakelakuan Kita

Kod kita diguna pakai untuk semua individu di Ingredion dan sekutunya di seluruh dunia, termasuk pekerja, pekerja kontrak, ejen, pegawai syarikat dan pengarah. Dalam sesetengah kes, kod ini juga diguna pakai untuk pihak ketiga dan pihak lain yang bekerja bagi pihak syarikat.

Mengamalkan Nilai Kita

Tatakelakuan kita menyediakan panduan tingkah laku beretika yang mendorong keputusan bisnes kita. Ia memupuk pemahaman bersama tentang perkara betul dan salah di seluruh syarikat, di semua lokasi operasi kita. Ingat:

- dalam persekitaran bisnes yang kompetitif, tidak ada dokumen atau dasar yang dapat menjawab setiap soalan dalam setiap situasi;
- bersuaralah! Kemukakan soalan tentang situasi yang tidak dibincangkan dalam Kod ini (atau yang mungkin timbul dalam interaksi anda dengan pelanggan, ahli pasukan, pembekal, atau pihak lain), kepada pengurus anda, Jabatan Undang-Undang, Jawatankuasa Pematuhan Korporat, atau Sumber Manusia, atau hubungi Talian Etika Bisnes;
- berkomunikasi dengan kontraktor, ejen dan rakan bisnes lain agar mereka dapat mematuhi standard Tatakelakuan kita ketika bekerja dengan atau sebagai wakil Ingredion.

PEMATUHAN DASAR, UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN

Tatakelakuan kita menyediakan rangka kerja dan cara kita bekerja sebagai sebuah syarikat. Kita perlu mematuhi Tatakelakuan DAN dasar, undang-undang serta peraturan yang diguna pakai di lokasi negara pekerjaan dan bisnes kita. Perhatian. Dasar kita mencerminkan undang-undang negara lokasi bisnes kita dan ia mungkin lebih ketat daripada undang-undang lain.

PROGRAM PEMATUHAN, ETIKA DAN INTEGRITI BISNES

Misi program pematuhan kita adalah untuk menyokong dan memupuk budaya integriti dan pematuhan kepada undang-undang Ingredion, konsisten dengan nilai syarikat.

Sekiranya anda tidak pasti undang-undang atau dasar yang berkaitan pekerjaan anda, tanya pengurus, Sumber Manusia (HR), Undang-undang, atau Pematuhan Korporat, atau hubungi Talian Etika Bisnes. Kita semua mempunyai kewajipan untuk bersuara jika kita tidak yakin tentang perkara yang perlu dilakukan, mempunyai kebimbangan, atau jika kita melihat atau mengesyaki pelanggaran dasar atau undang-undang.



Ketahui Lebih Lanjut

Layari [Pusat Dasar Koporat Ingredion](#)

MAKLUMAT HUBUNGAN

Bagi	Maklumat hubungan
Melaporkan Kebimbangan	Bincang isu dengan <ul style="list-style-type: none">• pengurus anda;• pengurus lain;• bahagian Sumber Manusia, Undang-Undang, atau Wilayah atau Pematuhan Korporat; atau• gunakan Talian Etika Bisnes (INGRethics.com) untuk melaporkan kebimbangan atau bertanya soalan (tanpa nama jika anda mahu) dalam bahasa anda
Soalan Undang-undang	Hubungi pihak sokongan undang-undang tempatan anda
Kebimbangan tentang kualiti dan keselamatan produk	Hubungi wakil Pengurusan Kualiti tempatan anda
Soalan tentang pematuhan perdagangan	Hubungi International.Compliance@ingredion.com
Soalan prosedur dan dasar berkaitan Sumber Manusia	Hubungi pihak sokongan Sumber Manusia (HR) tempatan anda
Pertanyaan tentang perdagangan sekuriti	Hubungi Pejabat Setiausaha Korporat (CorporateSecretary@ingredion.com)
Dasar berkaitan Tatakelakuan	Layari Pusat Dasar Korporat di laman InSite
Soalan tentang Program Pematuhan	Tanya Pegawai Pematuhan Korporat (AsktheCCO@ingredion.com)

Soalan atau Kebimbangan? Lawati Talian Etika Bisnes di [INGRethics.com](https://www.ingredion.com/ingrithics)

